

Kayuh basikal sambil beramal



Rombongan kayuhan amal bersama seorang penerima bantuan yang dikenali dengan panggilan Mak Long Gayah.

KOTA TINGGI – Pendekatan yang unik, mengekalkan identiti gaya hidup sihat sambil beramal, Kelab Sukan & Rekreasi Tiram menggerakkan program 'Assalamualaikum Dunia 2.0 - Kayuhan Amal'.

Pengarah Eksekutif Kulim (Malaysia) Berhad merangkap Patron Kelab Sukan & Rekreasi

Tiram, Zulkifly Zakariah berkata seramai 150 ahlinya bersama As-Sajadah dan Kulim Ecotrail Retreat dan Orang Johor Cycling Team telah berkayuh mendekati golongan asnaf serta menghulurkan bantuan.

"Program bantuan kemanusiaan ini turut dilengkapi aktiviti pemantapan kerohanian dalam

kalangan insan kurang bernaib baik dan asnaf di kampung sekitar Ladang Basir Ismail, di sini.

"Ia merupakan kesinambungan program yang sama yang diperkenalkan setahun lalu yang memberikan tumpuan untuk membantu insan gelandangan yang ada di sekitar bandaraya Johor Bahru,"

katanya.

Program itu selaras dengan aspirasi tanggungjawab korporat yang merupakan asas kepada falsafah bisnes syarikat yang mengimbangi aspirasi ekonomi dengan kebajikan anggota pekerja serta mempunyai hubungan baik dengan masyarakat setempat di mana Kulim beroperasi.

Menurut Pengerusi KSRT merangkap pengarah program, Fadzli Syahrir A Rahim berkata pada tahun ini menampilkan perubahan dari segi program, tempat dan aktiviti iaitu dengan penganjuran aktiviti kemanusiaan yang dilaksanakan dalam bentuk santai - peserta membuat kayuhan basikal amal.

"Kita berkayuh bermula jam 11 malam hingga jam 2 pagi dan telah menarik penyertaan kira-kira 150 peserta yang terdiri daripada anggota pekerja Kulim dan peserta dari Kota Tinggi, Pasir Gudang, Johor Bahru dan Kulai.

"Melalui program itu, peserta akan berkayuh bermula dari Kulim Ecotrail Retreat (KETR) secara beramai-ramai mengunjungi 10 ru-

mah asnaf yang telah dikenal pasti oleh pihak Ladang Basir Ismail dengan bantuan ketua kampung yang berdekatan," katanya.

Antara lokasi laluan ialah Kampung Sungai Serai, Kampung Sungai Jumpul, Kampung Tengah, Kampung Air Putih dan Perumahan Ladang Basir Ismail Div 1 dan Div 3.

Program ini juga telah berjaya menyuburkan budaya menginfak melalui sumbangan-sumbangan peribadi yang diberikan oleh kalangan anggota pekerja Kulim (Malaysia) Berhad termasuk sumbangan peribadi oleh anggota pekerja.

Bagi salah seorang penduduk di Kampung Sungai Serai, Md Hajis Nazir menyambut baik usaha tersebut.

"Walaupun cara menyerahkan bantuan agak unik iaitu dengan basikal beramai-ramai pada tengah malam namun ia agak santai tetapi penuh pengisian.

"Ia turut menarik minat saya dan rakan-rakan untuk bersama-sama berkayuh," katanya.